

(Perj. Sulit 2787/39)

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 23 TAHUN 1973

CARA PENEMPATAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PERSEKUTUAN DI KEMENTERIAN-KEMENTERIAN/ JABATAN-JABATAN PERSEKUTUAN

Hingga sekarang penempatan pegawai-pegawai kanan di Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Persekutuan tidak mengikut satu cara yang tertentu dan ada kalanya menimbulkan kelambatan dan juga kesulitan ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan. Untuk memperkemaskan penempatan pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Persekutuan Pekeliling ini menentukan cara tindakan yang patut dipatuhi.

2. Apabila ujud kekosongan jawatan-jawatan kanan di Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan Persekutuan, ketua perkhidmatan berkenaan tidak dikehendaki untuk merundingkan dahulu cadangan menempatkan pegawai yang berkenaan melainkan jawatan berkenaan ialah dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas. Apabila jawatan yang berkenaan ialah jawatan Tingkatan Tertinggi "D" ke atas maka butir-butir mengenai pegawai yang dicadangkan itu hendaklah disampaikan kepada Ketua Setiausaha Kementerian dengan butir-butir seperti berikut :

- (a) Nama dan umur.
- (b) Kelulusan akademik/ikhtisas.
- (c) Tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang dan peringkat sekarang.
- (d) Catitan ringkas mengenai pengalaman.
- (e) Butir-butir lain yang dianggap sesuai disampaikan untuk makluman Ketua Setiausaha Kementerian.

3. Cadangan penempatan itu hendaklah diterima oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan yang berkenaan melainkan calon berkenaan didapati telah membuat sesuatu kesalahan di Kementerian/Jabatan berkenaan dahulu. Bantahan daripada Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan hendaklah disampaikan secara bertulis.

4. Walau bagaimanapun dengan tujuan supaya perjalanan pentadbiran akan jadi lebih kemas dan licin tiadalah apa-apa halangan bagi Ketua Perkhidmatan mengadakan rundingan atau pun perbincangan dengan Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan mengenai penempatan pegawai-pegawai Persekutuan dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas di Kementerian/Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan cadangan bertulis.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.
1hb September, 1973